



**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
22 Jamadilakhir 1442 / 05 Februari 2021**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam bagi Jumaat, 22 Jamadilakhir 1442H bersamaan 05 Februari 2021M, setakat jam 12.00 tengahari.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
1	181		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
1	5	3	173

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (275 hari yang lalu)	40 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
451	12,498

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
297 sampel	93,192

2. Kes 181 ialah seorang lelaki berumur 36 tahun yang tiba ke negara ini daripada Eropah melalui Kuala Lumpur pada 22 Januari 2021 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei B1874. Pengesanan kontak (*contact tracing*) bagi kes ini telah mendapati tidak ada sesiapa yang dikategorikan sebagai kontak terdekat memandangkan beliau telah dikurantin sebaik sahaja tiba ke negara ini dan keseluruhan pengendalian perjalanan semasa ketibaan dan pengasingan diri beliau telah mengikut *standard operating procedure (SOP)* yang sedia ada.
3. Sementara itu, satu kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh kepada 173 orang.
4. Dengan perkembangan terbaru ini, sebanyak 5 kes aktif sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan kesemuanya adalah dalam keadaan baik.
5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui **aplikasi Bruhealth**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/1

Tarikh : 22 Jamadilakhir 1442H / 05 Februari 2021M